



LAPORAN

PERSIDANGAN EKSEKUTIF MINDA MAQASID EXECUTIVE CONFERENCE ON MAQASID MINDSET (AL-TAFKIR AL-MAQASIDIY)

Masjid Putra,
Putrajaya

24 Julai 2023
6 Muharram 1445H

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	1
OBJEKTIF PROGRAM	2
PENGANJUR	2
ATUR CARA PROGRAM	3
UCAPTAMA: YB SENATOR DR. HAJI NA'IM BIN HAJI MOKHTAR MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)	4
UCAPAN: DR. ZAID BARZINJI PENGARAH EKSEKUTIF MAQASID INSTITUTE GLOBAL	7
SIDANG PLENO: PROF JASSER AUDA PRESIDEN MAQASID INSTITUTE GLOBAL	9
SESI SOAL JAWAB	17
TINJAUAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODUL MINDA MAQASID	19
SENARAI JURULAPOR	22

PENDAHULUAN



PERSIDANGAN EKSEKUTIF MINDA MAQASID

24 Julai 2023

Dewan Auditorium Ibnu Sina, Masjid Putra, Putrajaya

Persidangan ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Program ini merupakan salah satu langkah awal dalam menyambut saranan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri untuk memperkasa dan memperluas peranan jabatan ini merentasi pelbagai bidang.

Ia turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM, YAA Dato' Haji Mohd Amran bin Mat Zain, Ketua Hakim Syarie merangkap Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, YBrs. Dr. Ahmad Badri bin Abdullah, Timbalan

Ketua Pegawai Eksekutif International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia merangkap Pengarah Maqasid Institute Malaysia yang merupakan penganjur bersama bagi program yang julung-julung kalinya diadakan.

Seramai 200 orang peserta termasuk ketua-ketua agensi di bawah YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) serta peserta dari pelbagai latar belakang termasuk pembuat dasar dari pelbagai kementerian dan pegawai-pegawai di institut latihan awam telah menghadiri program ini.

Program ini telah disiar dan dirakamkan di laman rasmi Facebook Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk tontonan secara maya di <https://fb.watch/m1us6h6GJr/>.

Objektif Program

- i. Untuk memberi kesedaran (awareness) kepada semua pembuat dasar tentang kepentingan dan pemahaman Maqasid Syariah ke arah kemampanan tamadun Islam;
- ii. Untuk memahami kaedah mengaplikasikan Maqasid Syariah dalam sudut tadbir urus berdasarkan kaedah pertimbangan antara maslahah dan maf sadah;
- iii. Untuk melatih pemikiran Maqasid Syariah yang betul dengan memfokuskan kepada matlamat akhir yang ingin dicapai dalam apa jua tindakan.

Penganjur



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Dengan kerjasama



International Institute of Advanced
Islamic Studies (IAIS) Malaysia



Maqasid Institute Malaysia

**PERSIDANGAN
EKSEKUTIF
MINDA MAQASID**
EXECUTIVE
CONFERENCE ON
MAQASID MINDSET
التفكير العقادي

**ATURACARA
PROGRAMME**

24 JULAI 2023
6 MUHARRAM 1445H

Dewan Auditorium
Ibnu Sina,
Masjid Putra, Putrajaya

Kod Etika Pakaian:
Dress Code: **Batik**



- 6:30pm
Ketibaan peserta dan pendaftaran
Arrival of participants & registration
- 7.00pm
Ketibaan dif-dif jemputan
Arrival of distinguished guests
- 7.15pm
Ketibaan YB Senator
Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
Arrival of YB Senator
Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar
Minister in the Prime Minister's Department (Islamic Affairs)
- 7:30pm
Solat Maghrib di Dewan Solat Utama, Masjid Putra
Maghrib prayer at Main Prayer Hall, Putra Mosque
- 8.00 pm
Makan malam di Dewan Jamuan, Masjid Putra
Dinner at Dining Hall, Putra Mosque
- 8:45pm
Solat Isyak di Dewan Solat Utama, Masjid Putra
Isya' prayer at Main Prayer Hall, Putra Mosque
- 9:00pm
Persidangan bermula & bacaan doa
The Conference commences & du'a recitation
- Ucapptama | Keynote Address
YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar
- Sidang Pleno | Plenary Session
Pembangunan Minda Maqasid dalam Penggubalan Dasar
Ke Arah Mencapai Kesejahteraan Sosio-Ekonomi
Developing Maqasid Mindset in Policymaking for the
Pursuit of Sosio-economic Wellbeing
- Oleh | By
Prof. Jasser Auda, Presiden Maqasid Institut Global
- Sesi Soal Jawab | Q&A Session
- 10:30pm
Persidangan tamat
The Conference ends

Updated: 24 July 2023 10:15am



**UCAPTAMA YB SENATOR DATO' SETIA
DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

ISI PENTING:

1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menjelaskan bahawa Maqasid Syariah merupakan suatu konsep yang merentasi sempadan agama dan melangkaui nilai kemanusiaan sejagat, kemaslahatan bersama dan pembangunan mampan.
2. Beliau menekankan bahawa sejarah membuktikan pembangunan negara yang mengambil kira konsep Maqasid Syariah yang sememangnya diamalkan oleh Rasulullah SAW boleh mencapai kejayaan. Ia telah membebaskan masyarakat daripada zaman jahiliyyah kepada sebuah negara yang bertamadun.
3. Beliau menekankan bahawa Malaysia sedang bergerak secara progresif untuk mengukuhkan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama. Tumpuan perlu diberikan kepada penambahbaikan transformasi tadbir urus yang tersusun dan sistematik dengan mengambil kira prinsip Maqasid Syariah sebagai wadah penambahbaikan.
4. Beliau menjelaskan bahawa Maqasid Syariah bukan sekadar satu pembentukan Islam tetapi ia adalah kerangka universal yang bertujuan untuk memelihara kepentingan manusia merangkumi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali.

5. Kerangka Maqasid Syariah telah digunakan dalam pembangunan negara. Ia dapat diperhatikan melalui usaha yang dilakukan oleh Muhammad al-Tahir bin Muhammad atau dikenali sebagai Ibn Ashur dalam melaksanakan reformasi Tunisia pada era 1900. Begitu juga dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh Allal al-Fasi, seorang tokoh negarawan yang berusaha membebaskan rakyat Maghribi melalui keadilan sosial dan kemanusiaan yang merupakan asas dalam Maqasid Syariah.
6. Beliau menerangkan bahawa matlamat pensyariatan adalah menepati nilai-nilai *insaniyah* yang menuntut keseimbangan, kesaksamaan dan keadilan. Nilai-nilai ini akan dapat membina ketamadunan seperti mana yang diimpikan oleh YAB Perdana Menteri dalam rencananya menggerakkan Malaysia MADANI melalui enam elemen utama iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.
7. Merujuk kepada kenyataan YAB Perdana Menteri supaya JAKIM memainkan peranan mengatasi peranan semasanya, YB Menteri menyatakan rasa hormat terhadap keyakinan yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri supaya peranan JAKIM dapat diperluaskan dengan memasukkan aspek pengukuhan Islam dalam setiap dasar dan polisi yang dibangunkan oleh pelbagai kementerian. Ia merupakan satu tanggungjawab yang besar yang perlu digalas oleh JAKIM untuk merealisasikan aspirasi YAB Perdana Menteri.
8. Beliau berharap dapat dilaksanakan dengan kerjasama Prof. Jasser Auda melalui kepakaran dan pengalaman beliau agar pengetahuan para pegawai JAKIM mengenai Maqasid Syariah dapat dipertingkatkan.
9. Bagi mencapai aspirasi ini, beliau telah mengamanahkan JAKIM yang diketuai oleh YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM untuk menyediakan pelan menyeluruh bagi menterjemahkan nilai Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara. Beliau percaya, rakyat akan mendapat pemahaman yang lebih mendalam di luar daripada lima prinsip *maslahah* dan mengetahui kaedah mengaplikasikan konsep ini dalam kehidupan seharian.

10. Beliau menyeru kita semua untuk merangkul pemikiran ini, komited terhadap matlamat yang tinggi ini, serta bekerjasama untuk mencipta sebuah negara yang benar-benar adil, saksama, dan sejahtera. Perjalanan ini panjang, dan banyak cabarannya, tetapi dengan pemikiran yang berlandaskan Maqasid Syariah, beliau yakin bahawa kita boleh membuat perubahan bersama.



UCAPAN DR. ZAID BARZINJI PENGARAH EKSEKUTIF MAQASID INSTITUTE GLOBAL

ISI PENTING:

1. Dr Zaid Barzinji memulakan ucapan dengan menjelaskan mengenai kekuatan al-Quran yang diturunkan untuk menjadi rujukan sekalian alam, sama ada orang Islam atau yang bukan beragama Islam. Isi kandungannya jelas, mengandungi kebenaran dan mudah diakses dan difahami oleh semua pihak.
2. Oleh yang demikian, di Maqasid Institute, mereka berusaha untuk menghubungkan umat Islam melalui al-Quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah SAW serta mewujudkan generasi cendekiawan Muslim dari seluruh dunia. Institut ini berusaha untuk mendekatkan manusia dengan al-Quran dan hadis kerana di dalam kedua-dua sumber rujukan tersebut terdapat pelbagai kaedah penyelesaian isu masa kini yang bersifat holistik, kukuh dan mengambil kira kepentingan semua. Susulan daripada itu, institut ini berusaha untuk mentakrifkan semula pelbagai bidang ilmu untuk kepentingan sejagat.
3. Beliau mengingatkan bahawa jika kita terus menggunakan laluan sedia ada dalam penggunaan 'artificial intelligent' dan menyebarkannya, ia bakal mengundang permasalahan. Sebaliknya kita perlu mengemas kini pengertian kepada bidang ini dengan mempertingkatkan kecerdasan manusia dan bukannya menggantikan atau membatalkan

pilihan manusia mahupun kehendak manusia dalam pelbagai bidang ilmu.

4. Beliau menekankan bahawa Institut ini memberi tumpuan kepada menghasilkan *ilmu al-nafa'* melalui cara yang betul dan untuk mengaplikasikannya melalui *amal soleh*. Melalui mekanisme ini serta kitaran timbal balik ilmu yang diperoleh, institut terus berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutunya.
5. Proses yang berterusan ini akan menghasilkan Islam yang dinamik dan berjaya menangani cabaran dan memenuhi keperluan masa kini. Dengan mengambil kira situasi hari ini yang sering berhadapan dengan pelbagai masalah, umat Islam perlu kehadapan untuk memberikan solusi kepada setiap permasalahan yang berlaku.
6. Maqasid Institute sentiasa berusaha untuk melahirkan kepimpinan intelek melalui *ilmu al-nafa'* dan semua perkhidmatan pendidikan yang mempunyai hala tuju yang sama. Justeru, Maqasid Institute telah mengubah penstrukturran hirarki kepada jaringan kerjasama di seluruh dunia.
7. Beliau menzahirkan rasa syukur kerana Institut ini telah mempertautkan jaringan lebih seribu ilmuwan dari seluruh dunia. Ia menghubungkan cendiakawan daripada pelbagai bidang termasuklah pengajian Islam, sains tulen, sains sosial, perundangan dan lain-lain lagi melalui kepakaran ahli akademik, penjawat awam dan badan-badan bukan kerajaan.
8. Menurut beliau, Malaysia sewajarnya menjadi pencetus dan mengorak langkah dalam arena ini kerana Malaysia mempunyai kekuatan ilmuwan dan warisan Islam dan kesarjanaannya. Malaysia sering menjadi contoh negara luar dalam merungkai sebarang permasalahan yang memberi impak di peringkat global. Mereka pikirkan adalah bahawa saat ini di Malaysia ada peluang luar biasa bagi negara yang menakjubkan ini untuk memimpin jalan dan menjadi pemimpin bagi dunia untuk solusi.
9. Beliau mengakhiri ucapannya dengan berdoa semoga Allah SWT membimbing kita ke jalan yang benar dan mengucapkan terima kasih atas kesempatan ini untuk berbicara kepada semua hadirin.



**SIDANG PLENO
PROF. JASSER AUDA
PRESIDEN
MAQASID INSTITUTE GLOBAL**

**TAJUK PEMBENTANGAN: PEMBANGUNAN MINDA MAQASID DALAM
PENGGUBALAN DASAR KE ARAH MENCAPI KESEJAHTERAAN SOSIO EKONOMI
(DEVELOPING MAQASID MINDSET IN POLICY MAKING FOR THE PURSUIT OF
SOCIO-ECONOMIC WELLBEING)**

ISI PENTING:

1. Prof Jasser Auda memulakan pembentangan dengan menekankan bahawa agama Islam sememangnya mempunyai banyak sumbangan penting yang dapat diberikan dalam sesbuah proses penggubalan dasar, terutamanya menerusi aplikasi pemikiran Maqasid Syariah.
2. Beliau menjelaskan Minda Maqasid merujuk kepada pemikiran yang memfokuskan kepada objektif, matlamat dan menjawab kepada persoalan mengapa dan apa yang sedang diusahakan. Persoalan bila dan di mana merujuk kepada perkara yang telah berlalu. Manakala persoalan mengapa merujuk kepada isu akan datang. Apabila seseorang itu bertanya mengapa, secara tidak langsung, ia mempunyai suatu bentuk pemikiran yang berorientasikan keadaan masa hadapan (*future-oriented*).
3. Penggubalan dasar bukan berkisar isu lampau, bahkan ia berkaitan perancangan dan pelaksanaannya serta merealisasikan masa hadapan. Manakala masa hadapan perlu dilakar berdasarkan objektif-objektif tertentu. Oleh itu, persoalan kenapa adalah penting walaupun ia dilihat

seolah-olah mengkritik sesuatu polisi. Namun soalan tersebut akan dapat memastikan sama ada sesuatu objektif telah tercapai atau ia mencapai objektif yang bertentangan.

4. Beliau menjelaskan bahawa Minda Maqasid adalah suatu bentuk pemikiran yang menyeluruh kerana dalam penggubalan dasar bagi sesuatu bidang, ia tidak boleh digubal secara berasingan atau terpisah-pisah. Minda Maqasid akan memastikan kesepaduan semua aspek dalam bidang tersebut.
5. Sebagai sebuah kerajaan atau penjawat awam, tadbir urus hendaklah meliputi kebajikan semua rakyat yang beragama Islam dan bukan beragama Islam. Oleh sebab itu Islam perlu dijadikan kerangka utama kerana ia diturunkan untuk semua manusia secara keseluruhannya.
6. Terdapat tiga aspek utama dalam logik pemikiran berlandaskan Maqasid Syariah, iaitu:
 - i. **Berorientasikan masa depan** – merancang visi dan pelan untuk merealisasikannya pada masa hadapan.
 - ii. **Kritis** – berani untuk mengkritik sebarang kekurangan yang berlaku dalam realiti kehidupan hari ini.
 - iii. **Menyeluruh** – perlu mencari penyelesaian yang bersifat menyeluruh terhadap sesuatu permasalahan.
7. Maqasid Institute telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *Re-envisioning Islamic Scholarship: Maqasid Methodology as a New Approach*. Penilaian kembali kesarjanaan Islam tidak bermaksud untuk mengubah asas-asas agama yang bersifat kekal seperti ibadah solat dan puasa. Namun sebaliknya ianya bertujuan untuk mencari penyelesaian terhadap isu-isu semasa. Sebagai contohnya, kandungan ilmu fiqh turut mencakupi persoalan semasa seperti pembangunan bandar (*fiqh al-'imarah*), psikologi dan ekonomi Islam.
8. Justeru, sudut pandang Islam dalam setiap permasalahan baru ini amat penting, kerana tanpanya kita akan terpaksa menggunakan kerangka dan sudut pandang orang lain.

9. Beliau menjelaskan bahawa dalam penggubalan dasar, prinsip perbandingan antara yang benar dan yang salah (furqan) adalah penting berdasarkan Surah al-Anfal, ayat 29 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar.”

10. Prinsip-prinsip “furqan” dalam proses penggubalan dasar menurut kerangka maqasid:

i. **Sebab vs matlamat (causes vs purposes)**

Berbanding menggubal sesuatu dasar yang bersifat menangani sesuatu permasalahan yang sedang berlaku semata-mata, aspek tujuan yang lebih bersifat penyelesaian secara meluas dan mengambil kira implikasi jangka masa panjang perlu diambil kira. Sudah tentu kita perlu mengambil tindakan untuk menangani isu semasa. Tetapi dalam masa yang sama, kita perlu menguruskan matlamat yang ingin dicapai. Menguruskan ‘punca’ semata-mata akan menyebabkan kita berada dalam masa lampau, tetapi mengurus matlamat membawa kita ke masa hadapan.

ii. **Matlamat jangka pendek vs matlamat jangka panjang (temporary goals vs long-term goals)**

Sesebuah dasar yang digubal perlu mengambil kira aspek perancangan bagi merealisasikan matlamat jangka masa panjang dan tidak boleh terhad semata-mata kepada matlamat yang bersifat sementara. Polisi yang memfokuskan kepada tempoh jangka pendek semata-mata akan mengorbankan generasi akan datang. Seharusnyaimbanganantarakedua-dua tempoh dilaksanakan dengan mengambil kira tempoh jangka pendek dalam perancangan jangka panjang.

iii. Generasi kini vs generasi akan datang (*current generation vs future generation*)

Tujuan sesebuah dasar itu digubal perlu melihat jauh ke hadapan dengan turut mengambil kira maslahah dan kepentingan generasi akan datang. Para Sahabat meminta Saidina Umar RA membuat pembahagian tanah sepertimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Namun Umar mengambil keputusan untuk tidak melaksanakannya berdasarkan firman Allah dalam surah al-Hasyr, ayat 10 yang menyebut tentang generasi akan datang. Dengan mengambil kira bahawa tindakan Rasulullah yang membuat pembahagian tanah itu bukan qasdu tasyri' tetapi qasdu siyasah, beliau tidak membuat pembahagian tanah, sebaliknya mengenakan bayaran kharaj demi memelihara kemaslahatan generasi selepasnya.

iv. Konsep Buatan Manusia vs Konsep Berteraskan Al-Quran (*human made concept vs Quran-defined concept*)

Dalam membuat sesuatu dasar yang selari dengan ajaran Islam, kita perlu berhati-hati agar tidak terpedaya dengan sesebuah konsep yang hanya merupakan hasil ciptaan manusia semata-mata, sedangkan sekiranya dilihat dari neraca al-Quran ternyata konsep tersebut sama sekali tidak dapat diterima. Sebagai contohnya, konsep LGBTQ+ yang semakin mendapat tempat di Barat pada hari ini sekiranya ditimbang menurut neraca al-Quran ternyata semuanya tergolong dalam konsep "fahishah" yang tercela dan dilarang.

v. Pengkategorian oleh manusia vs pengkategorian berdasarkan al-Quran (*Human-defined categories vs Quran-defined categories*)

Dalam menetapkan sesuatu kategori dalam proses penggubalan dasar, pengkategorian menurut neraca al-Quran perlulah didahulukan berbanding yang menurut definisi manusia semata-mata. Sebagai contohnya, pengkategorian "terrorist" (pengganas) yang terpakai di Barat pada hari ini ternyata salah dan bersifat pukul rata dengan turut meliputi kategori pejuang kebebasan dan mujahid yang berada di pihak yang benar menurut perspektif Islam. Oleh yang demikian, dalam menggubal sebarang polisi, kita perlu menetapkan kriteria agar kategori yang mempunyai kriteria baik dapat diberi sokongan dan kategori yang mempunyai kriteria tidak

baik perlu dibanteras untuk melaksanakan tadbir urus baik atau *al-hukm al-rashid*.

vi. Sejarah ciptaan manusia vs sejarah yang benar (*Forged history vs true history*)

Ajaran Islam datang untuk membawa versi sejarah yang sebenar. Al-Quran telah mendidik kita kepada pentingnya memperbetulkan sejarah yang dipesongkan seperti mengenai kenabian Isa AS. Fakta yang benar perlu diberikan dan manusia tidak boleh dibiarkan dengan fakta yang salah. Pemesongan fakta ini dapat diperhatikan dalam pendekatan Barat yang sering dilihat cuba untuk memadamkan versi sejarah yang sebenar dan memaksakan versi sejarah ciptaan mereka bagi menunjukkan keunggulan peradaban mereka.

vii. Wacana populis vs kepimpinan substantif (*Populist discourse vs substantial leadership*)

Pendekatan sesebuah polisi yang bersifat populis semata-mata ternyata tidak memadai dan tidak berkesan dalam menangani sesebuah permasalahan. Sebagai contoh ayat 7 Surah al-Anfal merekodkan pilihan yang mereka ada sama ada untuk menentang sebelum berlakunya perang Badar. Para Sahabat menghendaki kaedah yang tidak melibatkan perang, tetapi Allah SWT memerintahkan Nabi SAW dan orang Islam untuk mengangkat senjata dan memerangi musyrikin Quraisy Mekah dalam Perang Badar. Maka Rasulullah SAW membuat keputusan yang substantif, iaitu berlawanan dengan kehendak ramai demi mencapai kebaikan yang lebih besar. Justeru, kepimpinan yang substantif dan membuat dasar perlu berani untuk menongkah arus dan menghadapi tekanan bagi mengambil tindakan yang lebih berkesan walau dilihat tidak popular oleh orang ramai.

viii. Individu atau kumpulan khusus vs kepentingan awam (*Special individuals/groups vs public interest*)

Menyantuni individu adalah penting berdasarkan salah satu firman Allah SWT iaitu dalam Surah Abasa, ayat 1 hingga 3 ketika Rasulullah SAW sedang bercakap dengan sekumpulan pembesar Quraisy. Pada masa yang sama Abdullah Ibn Maktoum, seorang buta sedang

menghampiri Baginda tetapi Baginda tidak melayaninya kerana dakwahnya kepada kumpulan itu adalah lebih penting. Namun, tindakan tersebut telah ditegur oleh Allah SWT untuk diperbaiki. Walau bagaimanapun, fokus bagi sesebuah dasar yang dikemukakan perlulah bertujuan untuk memelihara *maslahah* dan kepentingan awam, dan bukannya hanya bertujuan bagi menjaga kepentingan mana-mana individu atau pihak tertentu semata-mata.

ix. Prinsip yang berubah vs prinsip yang tetap (*Changeable vs fixed principle*)

Dalam menggubal sesebuah dasar, seseorang pemimpin perlu pandai dalam menyeimbangkan antara prinsip-prinsip yang bersifat tetap dan tidak boleh dikompromi dengan prinsip yang lebih bersifat anjal dan boleh berubah. Hal ini bagi memastikan sesuatu polisi yang digubal tersebut bersifat realistik dan mampu untuk dilaksanakan, dalam masa yang sama tidak mengorbankan prinsip-prinsip teras.

x. Pendedahan maklumat umum vs maklumat terperingkat (*Publicize vs classified information*)

Pembuat dasar perlu bijak menetapkan limitasi had dalam mengisytiharkan sesuatu maklumat negara. Ketelusan adalah sesuatu yang baik dengan menguar-uarkan keputusan Kerajaan terutamanya dalam hal kewangan. Ia akan memastikan ‘check and balance’ berlangsung. Walaupun secara umumnya prinsip ketelusan dan transparensi dilihat amat baik, namun terdapat batasan yang perlu dijaga, terutamanya apabila melibatkan maklumat sulit dan sensitif yang perlu dijadikan rahsia negara. Perkara ini melibatkan pengkelasan yang memerlukan sifat takwa untuk memandu pelaksanaannya berdasarkan kepada ayat 29, surah al-Anfal yang bermaksud, “...Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah,...” Ini kerana ia akan menjadi benteng supaya tindakan yang dilakukan adalah untuk kebaikan awam secara umumnya.

xi. Pemulihan dalaman vs cabaran luaran (*Internal housekeeping vs external fronts*)

Pemimpin perlu mengutamakan isu-isu yang bersifat dalaman untuk diperbaiki dan diperkasa bermula daripada pasukan sendiri, seterusnya ke bahagian lain dan akhirnya isu luaran. Sememangnya isu luaran tidak boleh diabaikan. Namun keseimbangan antara keduanya adalah sangat penting supaya kekuatan dalaman dapat dibina untuk berhadapan dengan isu luaran. Pendekatan Khalifah Umar bin Abdul Aziz (682-720) amat bersesuaian untuk dicontohi apabila beliau menghentikan semua peperangan demi untuk meneliti kembali isu dalaman untuk diperbaiki.

xii. Negara bangsa vs Umat (*Nation vs ummah*)

Negara bangsa dan ummah adalah dua perkataan yang berbeza dari segi maksudnya meskipun ramai yang menterjemahkannya sebagai perkataan yang sama. Bangsa seperti mana yang disebut dalam ayat 13 Surah al-Hujurat merujuk kepada satu kelompok kaum. Manakala ummah merujuk kepada umat Nabi Muhammad SAW merentasi negara dan bangsa. Pemimpin perlu turut mengambil kira kepentingan umat Islam yang bersifat global dan tidak seharusnya terkurung dalam ruang lingkup kepentingan negara bangsa yang sempit.

xiii. Kepimpinan tradisional vs generasi baru (*Traditional leadership vs new blood*)

Sebahagian pemimpin tidak meyakini generasi muda untuk memimpin. Sedangkan tugas pemimpin adalah untuk menyiapkan generasi muda mewarisi tampuk kepimpinan serta perlu mempercayai generasi muda ini untuk mengambil alih kepimpinan daripada mereka. Sebagai contoh Ali bin Abi Talib berumur 12 tahun semasa diberikan tanggungjawab memimpin ketenteraan. Begitu juga dengan Umar bin al-Khattab berumur 24 tahun dan Usamah bin Zaid berumur 18 tahun. Generasi muda perlu diberikan sebanyak mungkin tanggungjawab untuk melatih mereka memimpin daripada membiarkan mereka menjadi mangsa media sosial. Kemampuan mereka perlu digilap dan diperkasa supaya mereka dapat mewarisi negara yang lebih baik daripada sebelumnya.

xiv. Kebergantungan pada diri sendiri vs memohon bantuan dari pihak lain (*Relying on self vs seeking help from others*)

Pemimpin tidak boleh bersikap ego dan malu untuk meminta bantuan dan pertolongan daripada orang lain. Rasulullah SAW turut meminta bantuan daripada orang bukan Islam dalam urusan tertentu. Walau bagaimanapun, permohon pertolongan dari pihak luar perlu dilaksanakan dengan berhati-hati tanpa menggadaikan Islam dan maruah umat Nabi Muhammad SAW. Kita tidak boleh menjual darah dan maruah serta kepentingan umat Islam ketika mendapatkan bantuan pihak luar.

11. Maqasid Syariah ternyata bukan sekadar meliputi isu fiqh, tetapi meliputi keseluruhan aspek kehidupan. Beliau menyokong usaha JAKIM untuk menyumbang dalam penggubalan dasar negara dengan melibatkan pelbagai kementerian demi memelihara kesejahteraan rakyat bertunjangkan perspektif Islam.

12. Beliau menutup pembentangannya dengan mengingatkan bahawa terdapat ruang ijihad yang luas dalam penggubalan dasar ekonomi, politik, pendidikan, kesenian dan sebagainya. Ia akan membentuk pemikiran dan kesatuan hati terutamanya dalam kalangan generasi baru untuk membangunkan negara.

SESI SOAL JAWAB

INTERAKSI 1

Nama	: Siti Fatimah binti Khairud-din
Organisasi	: Individu

Komentar/Soalan

1. Bagaimana kita boleh mendefinisikan LGBTQ sebagai *fahsyā'* kepada orang-orang yang tidak memahami al-Quran atau orang yang menentang al-Quran?

Maklum Balas

1. Kita boleh menjelaskan maksud *fahsyā'* sebagai perbuatan zina dan dosa. Prof Ismail Faruqi pernah menulis sebuah buku English for Islamic Studies yang menjelaskan kesesuaian penggunaan perkataan Inggeris dan keperluan penggunaan perkataan Arab dalam literasi Inggeris. Sebagai contoh azan tidak sesuai diterjemahkan sebagai *call*, zakat tidak sesuai diterjemahkan sebagai *charity*, *hajj* bukan *pilgrimage*, *zawaj* bukan *marriage* dan sebagainya. Terdapat kamus pada hari ini yang mendefinisikan *imam* sebagai *jihad*. Itu merupakan usaha mereka mengubah definisi. Ia bukan sahaja berkaitan hak kebebasan kepada seseorang. Tetapi ia merupakan usaha yang menuntut orang-orang Islam untuk menerima dan mengiktiraf mereka dan mengusir orang-orang yang menolak pemahaman ini seperti mana yang disebutkan dalam al-Quran "Usirlah mereka (Nabi Lut dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri," (Surah al-Araf: 32). Di Kanada, Pride Month telah disambut pada 1 Jun 2023 bagi meraikan LGBTQ. Sebagai tanda protes, Fiqh Council of South America telah menggalakkan kanak-kanak Muslim tidak hadir ke sekolah pada tarikh tersebut. Dalam masa yang sama, kanak-kanak bukan Islam juga telah menyambut protes untuk tidak hadir ke sekolah. Malah, di Kanada kanak-kanak tidak ditentukan jantina supaya mereka dapat memilih jantina apabila mereka dewasa. Kebebasan ini sangat melampaui. Sebagai rakyat, hormat kepada polisi seperti ini mempunyai limitasi kerana kita perlu mempertahankan asas ajaran Islam. Oleh itu, penolakan idea terhadap perkara-perkara yang melampaui batas perlu dizahirkan.

INTERAKSI 2

Nama	: Mohd Khairul Ridhuan bin Mohd Fadzil
Organisasi	: Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

Komentar/Soalan

1. Apakah pandangan YBhg. Prof berkaitan pendekatan Maqsid Syariah dalam peruntukan peruntukan kewangan nasional terutamanya terkait dengan Sustainable Development Goals (SDGs)?
2. Bagaimana Maqasid Syariah boleh diterapkan dalam Artificial Intelligent untuk membina sosio ekonomi ummah yang lebih baik memandangkan saya mendapati Prof mempunyai kelulusan PhD dalam sistem analisis?

Maklum Balas

1. Kita tidak hidup bersendirian di dunia ini. Malah kita berhadapan dengan pelbagai perjanjian antarabangsa dan juga SDGs. SDGs perlu dilihat dengan mengambil kira budaya dalam sesebuah negara. Peruntukan kewangan nasional perlu diberikan berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Setiap negara mempunyai matlamat tersendiri untuk rakyatnya dan sumbangannya kepada dunia. Maka, peruntukan perlu diutamakan berdasarkan matlamat yang lebih utama. Sebagai contoh, terdapat negara yang menetapkan matlamat untuk meningkatkan literasi. Ada negara lain yang menetapkan matlamat untuk meningkatkan literasi internet. Namun, tanpa literasi pendidikan, penggunaan internat mungkin tidak dapat dimanfaatkan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perniagaan dan sebagainya. Maka keutamaan perlu ditentukan dengan betul dan peruntukan diberikan mengikut keutamaan.
2. *Intelligent system* seperti ChatGPT tidak dapat menggantikan sepenuhnya kemampuan manusia kerana ia tidak mencapai tahap pemikiran manusia. Penglihatan manusia melebihi fungsi kamera, pembuatan keputusan manusia mengatasi algoritma dalam *intelligent system*. Sistem ini perlu didefinisikan semula dan pendekatan terbaik ialah dengan menggunakan sistem ini untuk membantu penyelidik dan bukan untuk menggantikan kemampuan manusia. Penyalahgunaannya seperti penjualan data untuk kepentingan tertentu adalah satu masalah besar yang perlu dihentikan.



TINJAUAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODUL MINDA MAQASID

PENDAHULUAN

Susulan daripada pelaksanaan program Persidangan Eksekutif Minda Maqasid, satu tinjauan telah dilaksanakan untuk mengenal pasti impak pelaksanaannya dalam kalangan peserta program. Kajian ini adalah penting untuk mendapatkan gambaran keberkesanan program.

OBJEKTIF

Mengenal pasti pandangan umum mengenai Pembangunan Modul Minda Maqasid untuk diaplikasikan dalam penggubalan dasar dan polisi.

METODOLOGI

Populasi dan Persampelan

Responden kajian terdiri daripada para peserta yang menghadiri program. Seramai 200 orang para peserta merupakan populasi bagi kajian ini.

Instrumen

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Soal selidik ini mengandungi empat soalan tentang

Pembangunan Modul Minda Maqasid dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5 daripada sangat tidak bersetuju kepada sangat bersetuju.

Pengumpulan Data dan Penganalisaan

Borang soal selidik diedarkan kepada para peserta secara dalam talian menggunakan google form. Kajian ini menggunakan kaedah analisi deskriptif untuk mengetahui tahap pengetahuan dan pemahaman berkaitan Minda Maqasid dan penerapan Maqasid Syariah dalam kehidupan.

Item


1. **Penjelasan** – Maqasid Syariah boleh dijelaskan kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk orang bukan Islam dalam negara yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya.
2. **Pemahaman** – Pembangunan Modul Minda Maqasid akan memudahkan pemahaman yang lebih jelas mengenai kaedah aplikasi Maqasid Syariah dalam penggubalan dasar dan pelaksanaannya.
3. **Perancangan** – Modul Minda Maqasid membantu pembuat dasar merencana dasar negara dengan lebih baik.
4. **Penerapan** – Penerapan Minda Maqasid dalam penggubalan dasar dan polisi dapat diaplikasikan.



**DAPATAN
TINJAUAN**

Tinjauan mendapati semua responden bersetuju Modul Minda Maqasid membantu pembuat dasar merencana dasar negara dengan lebih holistik dan penerapan Minda Maqasid dalam penggubalan dasar dapat diaplikasikan.

Walau bagaimanapun, terdapat 15.4% responden yang kurang bersetuju terhadap pernyataan bahawa Maqasid Syariah boleh dijelaskan kepada lapisan masyarakat termasuk orang bukan Islam. Jumlah yang sama juga menyatakan pandangan kurang bersetuju bahawa pembangunan Modul



Rajah 1: Jumlah pandangan terhadap keperluan pembangunan Modul Minda Maqasid

Minda Maqasid akan memudahkan pemahaman yang lebih jelas mengenai kaedah aplikasi Maqasid Syariah dalam penggubalan dasar dan polisi serta pelaksanaannya.

Secara umumnya, pembentangan yang diberikan oleh Prof. Jasser Auda mengenai Maqasid Syariah dalam penggubalan dasar merangsang persetujuan para peserta terhadap keperluan membangunkan Modul Minda Maqasid. Dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang para peserta daripada pelbagai kementerian dan institusi, pandangan responden perlu dititikberatkan. Ini penting untuk memastikan pemahaman terhadap penerapan konsep Maqasid Syariah dalam tadbir urus dapat direalisasikan.

Data yang diperoleh daripada tinjauan keperluan Pembangunan Modul Minda Maqasid ini membantu memudahkan perancangan dan pelaksanaannya. Konsep Maqasid Syariah yang diketengahkan dalam tadbir urus bukanlah sesuatu yang asing malah penerapannya menjadi mekanisme yang penting dalam pengurusan dan pentadbiran. Usaha ini perlu diteruskan di peringkat pembuat dasar dan pelaksana untuk membangunkan Modul Minda Maqasid agar ia lebih mudah difahami dan direalisasikan dalam penggubalan dasar demi mencapai kesejahteraan kehidupan secara menyeluruh sesuai dengan maksud Rahmatan Lil Alamin.

SENARAI JURULAPOR

Majidah binti Mat Jusoh

Penolong Pengarah Kanan
JAKIM

Ahmad Amirul Rashid bin Roslan

Penolong Pengarah
JAKIM

Muhamad Sayuti Mansor

Felo Penyelidik
International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia

URUS SETIA

Cawangan Pembangunan Maqasid
Bahagian Maqasid Syariah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)